

## **Syarikat-syarikat Strategik Negara di Kazakhstan Meluluskan Rancangan Transformasi Perniagaan Di Bawah Teraju Dana Kekayaan Negara “Samruk-Kazyna”**

ASTANA, Kazakhstan, Disember 2014/PRNewswire/ -- “Samruk-Kazyna” JSC merupakan dana kekayaan negara yang menguruskan aset strategik terbesar Kazakhstan. Berdasarkan keputusan lembaga pengurusannya dana kekayaan negara itu telah meluluskan rancangan Program Transformasi Perniagaan bagi sebuah syarikat pemegang dan syarikat-syarikat portfolionya.

Untuk melihat Hebahan Berita Multimedia tersebut, sila klik di sini:

<http://www.multivu.com/players/English/7407351-samruk-kazyna-national-companies/>

Rancangan itu menggariskan inisiatif utama yang disasarkan untuk mencapai matlamat utama Program, garis masa dan peringkat-peringkat pencapaian pelibatan syarikat-syarikat negara untuk menjalani transformasi perniagaan bagi tiga tahun akan datang.

Seperti dalam dokumen di atas satu fasa aktif telah dimulakan pada 2014 oleh Dana tersebut, pengendali rel kebangsaan "Kazakhstan Temir Zholy", syarikat pos terbesar "Kazpost", unit-unit perniagaan utama syarikat minyak "KazMunaiGas". Pada 2015 Program Transformasi Perniagaan akan dimulakan oleh pengeluar uranium global "KazAtomProm", syarikat-syarikat elektrik KEGOC dan "Samruk-Energo".

Pada 2016 transformasi perniagaan akan dimulakan oleh penyedia komunikasi "Kazakhtelecom", syarikat perlombongan "Tau-Ken Samruk", syarikat kejuruteraan "Kazakhstan Engineering", "United Chemical Company", Dana Hartanah "Samruk-Kazyna". Syarikat penerbangan terbesar Kazakhstan iaitu "Air Astana" akan terlibat dalam Program Transformasi Perniagaan pada 2017.

Perlu diberi perhatian Program Transformasi "SWF "Samruk-Kazyna" JSC yang memiliki aset berjumlah 100 bilion USD, telah dilancarkan dengan rasminya pada 6 Oktober 2014 di Astana. Presiden Kazakhstan Nursultan Nazarbayev telah meletakkan pelaksanaan inisiatif itu di bawah kawalan peribadinya.

Satu dokumen yang dibangunkan secara bersama dengan pakar antarabangsa bertujuan untuk menjadi salah satu alat utama yang membolehkan pencapaian matlamat untuk memasuki senarai 30 negara termaju di dunia seperti yang dinyatakan dalam strategi “Kazakhstan-2050”.

Program tranformasi merupakan Program Transformasi Perniagaan secara besar-besaran oleh Dana tersebut dan anak-anak syarikatnya. Ia mencadangkan anjakan

daripada model operasi sedia ada, yang mana Dana tersebut menjadi pengurus aset milik negara, ke arah peranan pelabur yang aktif.

Penambahbaikan perniagaan Dana dalam Program Transformasi mencadangkan untuk mempertingkatkan pendekatan pelaburan, mengoptimumkan proses perniagaan dan struktur portfolio, perubahan organisasi secara besar-besaran, serta pengurangan sekatan dalam Dana itu.

Manfaat ekonomi Program Transformasi Perniagaan "Samruk-Kazyna" JSC dianggarkan berjumlah 11 bilion USD.

### **Latar Belakang Samruk Kazyna**

JSC "Dana Kekayaan Negara "Samruk Kazyna"" telah ditubuhkan pada 2008 hasil daripada penggabungan antara "Dana Pembangunan Lestari Kazyna" dan "Samruk Pemegangan Pengurusan Aset Negara Kazakhstan." Dana tersebut menguruskan syarikat-syarikat strategik utama negara itu dengan nilai aset tergabung hampir \$100 bilion. Anak-anak syarikat termasuklah AirAstana, Kazakhtelecom, Kazatomprom, Kazmunaigaz, Kazpochta dan lain-lain.

Objektif utama Dana tersebut dan juga anak-anak syarikatnya termasuklah pemodenan serta kepelbagaian ekonomi kebangsaan selari dengan strategi yang digariskan oleh Presiden Kazakhstan, selain Strategi Pembangunan Industri dan Inovatif Kazakhstan 2003-2015. Dana tersebut memainkan peranan utama bagi ekonomi negara itu, mempunyai lebih 350 pekerja dan menyumbang lebih 2.5 bilion tenge kepada KDNK negara.

Pada 2014 "Samruk-Kazyna" JSC menjadi anggota rasmi Forum Antarabangsa Dana Kekayaan Negara (IFSWF) yang membolehkan Dana itu menilai amalan terbaik ahli-ahli organisasi tersebut. Ahli-ahli rasmi IFSWF adalah 25 dana kekayaan negara utama dunia, khususnya, Temasek Holdings (Singapura), Khazanah Nasional (Malaysia), China Investment Corporation (PRC), Qatar Investment Authority (Qatar), dan lain-lain. Kriteria pemilihan telah dipenuhi dengan memenuhi keperluan yang dirangkumi Prinsip Santiago, iaitu kestabilan dan ketelusan kewangan, pentadbiran korporat serta prestasi perniagaan.

Video:

<http://www.multivu.com/players/English/7407351-samruk-kazyna-national-companies/>

Sumber: TBC

Jabatan Perhubungan Awam, "Samruk-Kazyna" JSC, +7(7172)554114, +7(777)777-72-89